

05 MAR 2004

Pilihan raya-Tarikh

RAKYAT MALAYSIA MENGUNDI PADA 21 MAC

PUTRAJAYA, 5 Mac (Bernama) -- Hampir 10.3 juta rakyat Malaysia yang layak akan mengundi dalam pilihan raya umum ke-11 pada 21 Mac ini, Suruhanjaya Pilihan raya (SPR) mengumumkan hari ini.

Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman berkata, tarikh penamaan calon bagi pilihan raya itu ditetapkan pada 13 Mac ini.

Pilihan raya umum kali ini membabitkan 219 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), tidak termasuk kerusi DUN di Sarawak yang mengadakan pilihan raya negerinya pada 2001 dan penggal kerajaan negeri itu hanya akan berakhir pada 2006.

Pengumuman Abdul Rashid pada pukul 11.35 pagi itu disiarkan secara langsung oleh RTM dan TV3 daripada ibu pejabat SPR di sini.

Menurut Abdul Rashid, writ pilihan raya umum itu akan dikeluarkan esok manakala notis pula pada hari Ahad, 7 Mac.

Parlimen secara rasminya dibubarkan semalam, iaitu sembilan bulan sebelum berakhir penggal lima tahunnya, untuk membolehkan pilihan raya umum itu diadakan.

Abdul Rashid berkata 27 parti politik berdaftar dengan SPR akan bertanding dalam pilihan raya umum ini.

Semua DUN kecuali Sarawak juga secara rasminya telah dibubarkan bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan serentak.

Daftar Induk Pemilih 2003 dengan 10,284,591 pemilih yang diwartakan pada 3 Mac akan digunakan untuk pilihan raya umum ini. Daftar itu adalah yang dikemaskini setakat 31 Dis lepas.

Ia mengandungi 10,083,879 pemilih biasa dan 200,712 pengundi pos.

Pilihan raya umum ini adalah yang pertama sejak Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Barisan Nasional mengambil alih jawatan itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt tahun lepas.

Abdul Rashid berkata penamaan calon akan diadakan di semua 219 pusat penamaan calon di seluruh negara dengan waktu penerimaan kertas penamaan

calon ditetapkan antara pukul 9 pagi dan 10 pagi. Waktu bantahan ialah dari pukul 10 pagi hingga 11 pagi.

Beliau berkata kira-kira 6,000 sekolah akan dijadikan pusat mengundi dan waktu pengundian ialah dari pukul 8 pagi hingga 5 petang pada 21 Mac ini.

Mengenai tempoh berkempen, Abdul Rashid berkata pelbagai faktor dikaji dalam menentukan hal ini seperti kesediaan SPR sendiri menjalankan pilihan raya, kesediaan pihak keselamatan mengawal ketenteraman awam dan keperluan diwujudkan segera kerajaan yang sah untuk memerintah negara.

"Keadaan yang tidak menentu tidak harus berpanjangan dan SPR berasa bertanggungjawab menentukan bahawa ini tidak berlaku, katanya.

Mengenai tempoh berkempen yang dianggap singkat, beliau berkata rakyat telah cukup kenal dengan parti politik dan menganggap tempoh yang diberikan itu mencukupi.

Abdul Rashid berkata sepanjang empat tahun lepas, permit telah dikeluarkan untuk 11,692 ceramah atau aktiviti parti politik.

Menjawab soalan lain, beliau berkata tidak ada sesiapa pun yang disebabkan tidak layak dalam perkara teknikalitis.

Mereka yang disebabkan tidak layak, kata beliau mungkin timbul sebelum penyerahan kertas penamaan calonnya kerana bakal calon itu tidak layak.

Katanya kebanyakan keputusan pilihan raya umum ini boleh diketahui pada kira-kira pukul 10 malam.

Beliau turut menganggarkan antara 80 hingga 90 peratus daripada mereka yang layak akan keluar mengundi kali ini berdasarkan suasana dalam negara yang baik dan hakikat rakyat tidak sabar lagi untuk melaksanakan tanggungjawab mereka.

SPR telah berusaha setakat yang termampu untuk membersihkan daftar pemilih, katanya.

Mengenai calon bebas, Abdul Rashid berkata mereka boleh memilih daripada senarai 20 simbol yang disediakan SPR pada hari penamaan.

Mengenai aspek keselamatan, beliau berkata Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihan raya akan memastikan kempen berjalan tanpa sebarang masalah dan jika timbul gangguan lain, polis akan membantu memastikan ketenteraman.

"Sebarang gangguan mengenai ketenteraman yang tidak ada kaitan

dengan  
urusan pilihan raya adalah di bawah bidang kuasa polis," katanya.

Apa yang diharapkan, kata Abdul Rashid, ialah kerjasama  
sepenuhnya  
daripada parti politik dan penyokong mereka.

"Saya tahu ada orang yang mahu melihat kekacauan. Kita akan  
jalankan  
pilihan raya dengan baik jika parti politik dan penyokong beri  
kerjasama  
dengan tidak langgar undang-undang.

"Berilah peluang kepada pengundi membuat penentuan dalam keadaan  
tenang  
demi masa depan negara," katanya.

Menjawab pertanyaan lain, beliau berkata SPR hanya mengambil  
kira  
kepentingan negara dalam menentukan tarikh pilihan raya dan tidak  
menjadikan faktor perlumbaan kereta Formula One yang akan  
dilangsungkan  
dari 19 hingga 21 Mac di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) sebagai  
penghalang  
mengadakan pilihan raya umum.

Pada pilihan raya umum 1999, BN memenangi 148 daripada 193  
kerusi  
Parlimen yang dipertandingkan tetapi jumlah itu meningkat kepada 152  
kerusi  
apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai semula BN pada Jan 2002  
dan  
calon BN menang pada pilihan raya kecil Pendang pada Julai tahun  
yang sama.

Pada pilihan raya umum yang sama, BN memenangi 281 daripada 394  
kerusi  
DUN yang menjadi rebutan tetapi parti pemerintah itu kehilangan  
kerusi  
Lunas di Kedah kepada calon Keadilan pada pilihan raya kecil  
November 2000.

Dengan itu, BN kini menguasai 152 kerusi Parlimen dan 280 kerusi  
DUN.

Parti pembangkang utama PAS menguasai 26 kerusi Parlimen dan 98  
kerusi  
DUN, DAP (10 Parlimen, 11 DUN) dan Keadilan (lima Parlimen, lima  
DUN)

Pertambahan 26 kerusi Parlimen kali ini adalah hasil  
persempadanan  
semula kawasan pilihan raya oleh SPR pada tahun lepas serta  
kewujudan  
kerusi baru Putrajaya ekoran penubuhannya sebagai Wilayah  
Persekutuan.

Persempadanan semula itu menyaksikan pertambahan 63 kerusi DUN,  
menjadikan jumlahnya 505.

-- BERNAMA  
NJ MAM BK